



31 Januari 2012  
31 January 2012  
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK  
PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

*INDUSTRIAL DESIGNS (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH /  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA /  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996

PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [*Akta 552*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2012.

**Pindaan peraturan 5**

2. Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999 [*P.U. (A) 351/1999*], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam peraturan 5 dengan memasukkan selepas subperaturan (3), subperaturan yang berikut:

“(3A) Jika permohonan itu—

(a) ditandatangani oleh ejen mengikut subperaturan (2) dan ejen tersebut menfailkan permohonan; atau

(b) ditandatangani oleh pemohon mengikut subperaturan (2) tetapi permohonan difailkan oleh ejen,

ejen tersebut hendaklah menfailkan Borang RP 1 dan Borang RP 10 yang disertakan dengan fi yang ditetapkan.”.

### **Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Bahasa dokumen, terjemahan dan transliterasi**

6. Jika apa-apa dokumen, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan, diberi atau dihantar kepada atau difailkan dengan Pendaftar, atau mana-mana bahagian dokumen, yang mengandungi atau terdiri daripada perkataan atau perkataan-perkataan di dalam karektor selain Roman atau di dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, ia hendaklah, kecuali jika diarah sebaliknya oleh Pendaftar, disertakan bersama—

- (a) suatu terjemahan dan, jika diperlukan, suatu transliterasi, setiap perkataan dalam bahasa Inggeris, yang disahkan atau diperakui: yang memuaskan hati Pendaftar; dan
- (b) suatu pernyataan yang menyatakan bahasa asal setiap perkataan.”.

### **Pindaan peraturan 7**

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau” dengan perkataan “dan”.

### **Pindaan peraturan 8**

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut—

“(2) Alamat yang ditunjukkan hendaklah merupakan alamat yang lengkap dan terkini bagi memastikan penghantaran melalui pos dengan segera, termasuklah alamat mel elektronik, alamat laman web, nombor faksimili dan nombor telefon, jika ada, atau mana-mana cara, gaya atau bentuk komunikasi berkesan yang lazim.”.

**Pindaan peraturan 10**

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (1)(d), dengan menggantikan perkataan “, proses elektrostatik, offset foto dan mikrofilem,” dengan perkataan “dan apa-apa penghasilan semula yang berkaitan dalam mana-mana bentuk, cara atau gaya,”;
  - (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “enam salinan” dengan perkataan “satu salinan”; dan
  - (c) dalam subperaturan (4), dengan memotong perkataan “, surihan”.

**Pindaan peraturan 14**

7. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (3) dengan menggantikan perkataan “atau” selepas perkataan “kelas” dengan perkataan ‘dan’; dan
  - (b) dengan menggantikan subperaturan (6) dengan subperaturan yang berikut:  
  
“(6) Jika permohonan yang terdahulu itu adalah dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pemohon hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh permintaan oleh Pendaftar yang disebut dalam subperaturan (5), memberikan suatu terjemahan yang diperakui atau disahkan yang memuaskan hati Pendaftar bagi permohonan yang terdahulu itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.”

**Pindaan peraturan 18**

8. Subperaturan 18(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “suatu perakuan pemfailan dalam bentuk”.

**Pindaan peraturan 20**

9. Subperaturan 20(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perakuan pendaftaran yang sama untuk” dengan perkataan “Perakuan Pendaftaran bagi setiap”.

**Pindaan peraturan 32**

10. Peraturan 32 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Pendaftar boleh, bagi maksud subperaturan (2), menghendaki ejen mengemukakan bukti kuasanya.”.

**Pindaan peraturan 33**

11. Peraturan 33 Peraturan-peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3)(b), dengan memotong perkataan “atau”;

(b) dalam subperaturan (3)(c) dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3)(c) subperaturan yang berikut:

“(d) mempunyai sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman dalam bidang harta perindustrian atas dasar pernah berkhidmat sebagai pegawai di Pejabat ini.”.

**Penggantian peraturan 42**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 42 dengan peraturan yang berikut: